

2

UCAPAN Y.A.B. DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
PELAJARAN DI UPACARA MERESMIKAN BANGUNAN
SEKOLAH MENENGAH TUNKU PUTERA BALING, KEDAH
PADA 3HB. MEI, 1977 JAM 10.00 PAGI.



Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah yang maha kuasa, penyayang lagi pemurah kerana dengan izinNya kita telah dapat hadir di majlis yang meriah lagi bersejarah pada petang ini. Seterusnya saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengelola Sekolah ini, guru-guru dan murid-murid serta ibubapa sekalian kerana telah sudi memberi kehormatan kepada saya untuk meresmikan bangunan Sekolah Menengah Tunku Putera, Baling, Kedah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Sebagaimana termaklum negara kita Malaysia telah merdeka hampir 20 tahun, dan dalam tempoh tersebut pada keseluruhannya kita telah mencapai banyak kemajuan. Pada sebelum merdeka, di bidang pelajaran umpamanya, bilangan sekolah-sekolah menengah Kerajaan di negara ini berjumlah kira-kira 128 buah sekolah, dan pada masa ini iaitu setelah negara merdeka bilangan sekolah ini berjumlah 702 buah semuanya iaitu tambahan sebanyak lebih 5 kali ganda. Kerajaan kita pada masa ini memberi tempat belajar yang cukup selama tidak kurang dari 9 tahun iaitu dari Darjah Satu hingga ke Tingkatan Tiga di sekolah menengah. Tidak seorang murid yang Kerajaan tolak kerana tidak ada tempat belajar dari Darjah Satu sekolah rendah hingga ke Tingkatan Tiga di peringkat menengah. Mereka yang lulus dengan baik di peringkat SRP dan LCE akan diberi tempat untuk belajar di Tingkatan IV dan seterusnya di bidang sains, teknik atau sastera. Kerajaan juga mendirikan sekolah-sekolah menengah vokesyenal di seluruh negara yang pada masa ini berjumlah 23 buah dan mempunyai jumlah murid seramai hampir 10,000 orang. Mereka ini dipilih dari mereka-mereka yang tamat pengajian Tingkatan Tiga Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan dengan lulus dari sekurang-kurangnya 5 matapelajaran sehingga pangkat A di dalam peperiksaan SRP/LCE. Tujuan sekolah Menengah Vokesyenal ialah untuk melatih mereka yang cenderung kepada sesuatu pekerjaan bagi mendapat kemahiran asas. Sistem pelajaran negara ini sampai kepada kemuncaknya di peringkat Universiti, dan pada masa ini terdapat 5 buah universiti semuanya.

Peluang-peluang dan kemudahan pelajaran yang disediakan oleh Kerajaan ini bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang berpelajaran, bertenaga, makmur, bertanggungjawab, bersatu-padu dan berdisiplin. Kerajaan percaya pelajaran merupakan alat terpenting untuk mengubah nasib rakyat dan negara. Sejarah dapat membuktikan negara-negara yang maju di bidang ekonomi mempunyai sistem dan mutu pelajaran yang tinggi.

Kerajaan juga ingin melihat rakyatnya hidup lebih bahagia, dan segala usaha Kerajaan di bidang pelajaran menjadi satu bukti Kerajaan amat mengambil berat tentang untung nasib rakyat.

Berhubung dengan usaha Kerajaan meninggikan lagi taraf hidup rakyat, masyarakat di Baling ini juga tidak ditinggalkan. Bangunan Sekolah Menengah Tunku Putera ini dapat membuktikan hasrat Kerajaan itu. Saya berharap ibu-bapa-ibubapa di kawasan ini ambillah peluang ini dengan sikap ingin maju oleh kerana bangunan-bangunan sekolah dan kemudahan-kemudahan yang di sediakan untuk pelajaran tidak dapat memajukan pelajaran jikalau tidak digunakan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian melalui Persatuan Ibubapa dan Guru saya berharap ibubapa dan guru-guru dapat bekerjasama dengan lebih erat demi kepentingan pelajaran anak-anak yang amat dahagakan ilmu pengetahuan.

Saya merasa sukacita mendapat tahu bahawa sekolah ini sekarang bertambah maju di dalam peperiksaan MCE tetapi merosot sedikit dalam peperiksaan LCE. Jika keputusan peperiksaan dapat dijadikan ukuran tentang kemajuan sesebuah sekolah, keputusan-keputusan peperiksaan sekolah ini dapat menunjukkan kepada kita sekolah ini masih berkehendakkan perhatian yang lebih dari semua pihak yang berkenaan iaitu guru-guru, ibubapa dan murid-murid.

Walaubagaimanapun kita tidak mudah mengukur kemajuan yang sebenar sesebuah sekolah. Keputusan peperiksaan tidak dapat diterima sebagai ukuran yang tunggal untuk menentukan kemajuan sesebuah sekolah sungguhpun keputusan ujian itu merupakan faktor yang utama. Saya berpendapat ukuran kemajuan murid melibatkan pembentukan sikap dan nilai-nilai yang positif iaitu sikap ingin maju, cintakan perpaduan, sanggup bekerjasama, jujur dan ikhlas, bertanggungjawab, berdisiplin dan bersedia memberi sumbangan dan menyertai kegiatan mesyarakat bagi mencapai kemajuan yang lebih tinggi untuk kepentingan masa depan negara. Sikap tidak mementingkan diri sendiri dan meletakkan kepentingan negara ke atas kepentingan diri adalah kepada saya merupakan diantara nilai-nilai yang patut mendapat perhatian yang paling tinggi. Nilai-nilai tersebut tidak mudah dilihat di waktu sekolah. Nilai-nilai ini mungkin mulai tumbuh di sekolah dan amalannya yang sebenar dapat dilihat setelah murid-murid itu membesar dan menjadi anggota dewasa dalam masyarakatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati. Sepertimana termaklum negara kita sedang membangun dengan pesat. Di samping kita membuat kemajuan, kita juga berhadapan dengan berbagai masalah seperti salahguna dadah, anasir-anasir komunis dan anti-nasional. Sungguhpun masalah-masalah ini dapat dikawal, tetapi gejala-gejala ini boleh mengancam keselamatan negara. Murid-murid sekolah dan mereka yang baru meninggalkan bangku sekolah mudah dipengaruhi oleh setengah daripada gejala-gejala tersebut seperti salahguna dadah dan kegiatan anti-kerajaan. Saya menyeru kepada pihak sekolah khususnya dan juga ibubapa hendaklah berhati-hati memerhatikan gerak-geri anak-anak muda mereka untuk menyelamatkan mereka dari pengaruh-pengaruh yang liar lagi

tidak diingini itu dan yang merbahaya kepada ketenteraman dan keselamatan negara.

Saya rasa pada masa ini masih banyak rakyat belum faham dengan betul tentang Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar Kerajaan. Ini menyebabkan terdapat kurang kesedaran dan keyakinan tentang tujuan-tujuan Kerajaan mengadakan berbagai peluang dan kemudahan baik di bidang ekonomi mahupun di-bidang pelajaran. Pihak-pihak yang bertujuan jahat akan sentiasa mencuba memesonng pandangan dan fahaman rakyat terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup rakyat. Ibubapa-ibubapa sekalian dapat melihat dengan jelas usaha-usaha Kerajaan memberi berbagai kemudahan pelajaran. Selain daripada mengadakan tempat belajar yang cukup seperti mengadakan sekolah-sekolah yang lebih lengkap, Kerajaan mengadakan bantuan kewangan seperti biasiswa pelajaran untuk murid-murid yang kurang mampu dan layak diberi biasiswa. Kerajaan juga telah mengadakan Sekim Pinjaman Buku Teks untuk semua murid sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah yang dahulunya dinamakan sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris. Murid-murid dari sekolah-sekolah jenis lain yang kurang mampu juga mendapat faedah dari sekim ini.

Akhirnya saya merasa sukacita melihatkan ibubapa dan anggota-anggota masyarakat di kawasan ini mengambil berat tentang pelajaran bagi anak-anak mereka dan sentiasa berwaspada terhadap ancaman-ancaman negara. Pihak Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran akan terus membuat rancangan untuk menambah lagi peluang-peluang pelajaran sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan rakyat. Di-Universiti-universiti sekarang terdapat lebih tiga suku dari mahasiswa datang dari kawasan luar bandar, dan ini membuktikan satu langkah yang jelas sedang dan akan terus dijalankan supaya taraf pelajaran anak-anak luar bandar sehingga ke peringkat tinggi di perbaiki lagi. Apa yang saya harapkan dari ibubapa dan mereka-mereka yang mendapat peluang pelajaran melalui rancangan Kerajaan ialah mereka hendaklah menyumbangkan tenaga dan khidmat mereka dengan perasaan ikhlas, jujur dan penuh tanggungjawab apabila tamat pengajian mereka. Dengan sumbangan seperti ini negara akan bertambah maju dan dengan kemajuan yang tercapai banyak masaalah dapat diatasi.

Sekianlah sahaja ucapan saya. Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi tahniah kepada Jawatankuasa Sambutan Majlis ini kerana telah berjaya mengadakan majlis yang meriah pada hari ini. Saya juga penuh yakin sekolah ini akan terus mencapai kemajuan yang lebih tinggi pada masa-masa akan datang. Maka dengan ini saya sekarang dengan segala sukacita meresmikan pembukaan sekolah ini.